

# PERISYTIHARAN JUALAN

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN  
PTUS. 7G/56/2014

Dalam perkara mengenai Seksyen 257 dan 263 Kanun Tanah Negara, 1965

CIMB BANK BERHAD (13491-P) ANTARA PEMEGANG GADAIAN  
DAN  
ZAKARIA BIN MOHAMMED (NO K/P : 620201-06-5343/6403999) PENGGADAI

Dalam menjalankan Perintah Pentadbir Tanah Daerah Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan yang diperbuat pada 25hb November 2015 adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah Daerah Hulu Selangor dengan dibantu oleh Pelelong yang tersebut dibawah akan menjual secara

## LELONGAN AWAM

PADA HARI RABU 24HB MEI 2017 JAM 10.30 PAGI  
DI PEJABAT DAERAH/TANAH HULU SELANGOR  
JALAN BUKIT KERAJAAN, 44000 KUALA KUBU BHARU  
SELANGOR DARUL EHSAN

Nota : Bakal-bakal pembeli dinasihatkan agar membuat carian Hakmilik secara rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa harta tersebut sebelum jualan lelong.

### BUTIR-BUTIR HAKMILIK BERDASARKAN PADA LAPORAN PENILAIAN:

NO. HAKMILIK : HSM 1273  
NO LOT : PT 1843  
BANDAR/DAERAH/NEGERI : Mukim Ulu Yam/Hulu Selangor/Selangor Darul Ehsan  
KEDUDUKAN KAWASAN : Kampung Pasir, Ulu Yam Baru  
PEGANGAN : Pajak 99 Tahun ( Tarikh Luput Pajak : 9hb Mei 2093)  
KELUASAN : 828 meter persegi  
CUKAI TAHUNAN : RM48.00  
KATEGORI KEGUNAAN TANAH : Bangunan  
SYARAT NYATA : Bangunan Kediaman  
PEMILIK BERDAFTAR : ZAKARIA BIN MOHAMMED – 1/1 BAHAGIAN  
SEKATAN KEPENTINGAN : Tanah ini tidak boleh dijual, dipajak, digadai atau dipindahmilik dengan apa cara sekalipun melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri  
BEBANAN : Digadaikan kepada Bank Bumiputra Malaysia Berhad melalui No. Perserahan 925/1994 Jil. 65 Fol. 66, didaftarkan pada 19.8.1994

### LOKASI DAN PERIHAL HARTANAH

Hartanah tersebut adalah sebuah rumah berasingan satu tingkat yang dikenali sebagai No. 29, Jalan Kelisa 3, Taman Desa Kelisa, 44300 Hulu Yam Bharu, Selangor Darul Ehsan.

### AKOMODASI HARTANAH

Anjung Kereta, Ruang Tamu, Ruang Makan, Satu (1) Bilik Tidur Utama Berserta Bilik Mandi/Tandas, Dua (2) Bilik Tidur, Dapur Dan Bilik Mandi/Tandas

**HARGA RIZAB** : Hartanah tersebut akan dijual dengan harga rizab sebanyak **RM210,000.00 (RINGGIT MALAYSIA : DUA RATUS SEPULUH RIBU SAHAJA)**. Tertakluk kepada syarat-syarat jualan yang terdapat dalam Perisytiharan Jualan.

Hartanah tersebut akan dijual "dalam keadaan seperti sedia ada" tertakluk kepada harga rizab yang tersebut di atas dan kepada syarat-syarat jualan yang terdapat didalam Perisytiharan Jualan. Bagi penawar-penawar yang berminat adalah dikehendaki menandatangani 10% daripada harga jualan rizab dalam bentuk **Bank Draf** diatas nama **CIMB BANK BERHAD** sebelum jam 10.00 pagi pada hari lelongan awam dan baki wang pembelian hendaklah dibayar oleh pembeli kepada pemegang gadaian dalam tempoh satu ratus dua puluh (120) hari dari tarikh jualan dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa yang telah ditetapkan.

Butir-butir selanjutnya, sila berhubung dengan **PENTADBIR TANAH DAERAH HULU SELANGOR** atau **TETUAN AZHAR & WONG**, Peguambela dan Peguamcara pemegang gadaian yang beralamat di 16-08, Tingkat 16, Menara Centara, 360, Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur. Tel : 03-2602 3898 Fax : 03-2202 8149 Ruj : RL/CIMB/LIT/LO/11198/468(HL)/ZA atau Pelelong berlesen yang dilantik seperti dibawah.

### **PENTADBIR TANAH HULU SELANGOR**

Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor  
Jalan Bukit Kerajaan  
44000 Kuala Kubu Bharu  
Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-60641026  
Fax : 03-60644253

**SYED FAKHRI B. SYED MUHAMAD AZZIDDIN**  
Pelelong Berlesen

### **SYED AUCTIONEER**

No. 10A, Jalan Tun Teja 1,  
Taman Tun Teja, 48000 Rawang,  
Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-6092 3714 Fax : 03-6092 2714  
H/P:012-3171973  
email: syed\_auctioneer@yahoo.com  
Ruj : SA/1668/15/PTHS/CIMB

# PROCLAMATION OF SALE

ORDER FOR SALE AT THE INSTANCE OF THE CHARGE  
PTUS. 7G/56/2014

In the matter of Section 257 and 263 of the National Land Code 1965

BETWEEN

CIMB BANK BERHAD (13491-P)

CHARGE

AND

ZAKARIA BIN MOHAMMED (NRIC NO : 620201-06-5343/6403999)

CHARGOR

In the matter of an Order of Pentadbir Tanah Daerah Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan made herein on the 25<sup>th</sup> November 2015 it is hereby proclaimed that the Pentadbir Tanah Daerah Hulu Selangor with the assistance of the undermentioned Auctioneer will sell by

## PUBLIC AUCTION

ON WEDNESDAY THE 24<sup>TH</sup> DAY OF MAY 2017 AT 10.30 A.M.  
IN THE PEJABAT DAERAH/TANAH HULU SELANGOR  
JALAN BUKIT KERAJAAN, 44000 KUALA KUBU BHARU  
SELANGOR DARUL EHSAN

**Note : All intending bidders are advised to conduct an official land search at the relevant Land Office and to inspect the subject property before the commencement of Auction Sale.**

### PARTICULAR OF PROPERTY ACCORDING TO VALUATION REPORT:

TITLE NO. : HSM 1273  
LOT NO : PT 1843  
TOWN/DISTRICT/STATE : Mukim Ulu Yam/Hulu Selangor/Selangor Darul Ehsan  
LOCALITY : Kampung Pasir, Ulu Yam Baru  
TENURE : Leasehold interest for 99 years (expiring on 9th May 2093)  
PROVISIONAL LAND AREA : 828 square metres  
ANNUAL RENT : RM 48.00  
CATEGORY OF LAND USED : Building  
EXPRESS CONDITION : Residential Building  
REGISTERED OWNERS : ZAKARIA BIN MOHAMMED – 1/1 SHARE  
RESTRICTION IN INTEREST : "Tanah ini tidak boleh dijual, dipajak, digadai atau dipindahmilik dengan apa cara sekalipun melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri".  
ENCUMBRANCES : Charged to Bank Bumiputra Malaysia Berhad via Presentation No. 925/1994 Vol. 65 Fol. 66, registered on 19.8.1994

### LOCATION AND DESCRIPTION OF PROPERTY

The subject property is a single storey detached house bearing a postal address No. 29, Jalan Kelisa 3, Taman Desa Kelisa, 44300 Hulu Yam Bharu, Selangor Darul Ehsan.

### ACCOMMODATION OF PROPERTY

Car Porch, Living, Dining, One (1) Master Bedroom Attached With Bath/Wc, Two (2) Bedroom, Kitchen And Bath/Wc.

**RESERVE PRICE** : The subject property will be sold subject to a reserve price of **RM210,000.00 (RINGGIT MALAYSIA: TWO HUNDRED TEN THOUSAND ONLY)** and subject to the Conditions of Sales as mentioned in Proclamation of Sales.

The subject property will be sold "on an as is where is basis" subject to a reserve price and subject to the Conditions of Sale as mentioned in the Proclamation of Sale. All intending bidders shall deposit 10% of the reserve price in a form of **Bank Draft** made in favour of **CIMB BANK BERHAD** before 10.00 a.m on the date of auction and the balance of purchase price shall be settled in full within **one hundred and twenty (120) days** from the date of sales and there shall be no extension of the period so specified.

For further particulars please apply to the **PENTADBIR TANAH DAERAH HULU SELANGOR** or to the Solicitors **MESSRS AZHAR & WONG**, whose address is at 16-08, 16th Floor, Menara Centara, 360, Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur. Tel : 03-2602 3898 Fax : 03-2202 8149 Ref : RL/CIMB/LIT/LO/11198/468(HL)/ZA or the undermentioned Auctioneer.

### PENTADBIR TANAH HULU SELANGOR

Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor  
Jalan Bukit Kerajaan  
44000 Kuala Kubu Bharu  
Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-60641026  
Fax : 03-60644253

**SYED FAKHRI B. SYED MUHAMAD AZZIDDIN**  
Licensed Auctioneer

### SYED AUCTIONEER

No. 10A, Jalan Tun Teja 1,  
Taman Tun Teja, 48000 Rawang,  
Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-6092 3714 Fax : 03-6092 2714  
H/P:012-3171973  
email : syed\_auctioneer@yahoo.com  
Ref : SA/1668/15/PTHS/CIMB

ஸ்ரீ லங்கா பிளாட்  
அட்டர்னி சர்வீஸஸ் பிரைவட் லிமிடெட்  
PTUS. 7G/56/2014

1965 ஆம் ஆண்டு தேசிய நில சட்டப்பிரிவு 257 டி 263 கீழ்க் கீழ்க்கண்ட

CIMB BANK BERHAD (13491-P) இலடர்ஸ்  
ZAKARIA BIN MOHAMMED (NRIC NO : 6403999) பிழைகள்

இந்த பிரபலத்தின் அடி நிர்ப்பந்தி என்களெனில் PENTADBIR TANAH DAERAH HULU SELANGOR, 25/11/2015 கீழ்க்கண்ட உத்தரவுகளை நிறைவேற்றுகின்றன அந்தரின் கீழே குறிக்கப்பட்டிருக்கின்ற சொத்துக்கள் உடனடியாக விற்கப்படும்.

24/7/2017 காலை மணி 10.30 க்கு  
DI PEJABAT TANAH HULU SELANGOR  
JALAN BUKIT KERAJAAN, 44000 KUALA KUBU BHARU  
SELANGOR DARUL EHSAN

அதன் இடத்தில் பதிவுகாரர் ஒருவர் அந் விவரங்கள்.

சொந்தின் முகவரி : NO. 29, JALAN KELISA 3, TAMAN DESA KELISA, 44300 HULU YAM BHARU, SELANGOR DARUL EHSAN  
நிலப் பட்டி : HSM 1273, ஜோக் ஜெட் PT 1843, MUKIM ULU YAM/HULU SELANGOR/SELANGOR  
உரிமையாளர் : ZAKARIA BIN MOHAMMED  
நில அளவு : சுமார் பட்டி; 828 SQUARE METRES  
விற்கும் விலை : RM210,000.00

ஸ்ரீ லங்கா பிளாட் நியூ சேய்ஸ் லாஜர்ஸ் ஸ்பெஷலிஸ்டர் MESSRS AZHAR & WONG, Solicitors for the Chargee herein whose address for services 16-08, 16<sup>th</sup> Floor, Menara Centara, 360, Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur. Tel: 03-2602 3898 Fax : 03-2202 8149 அவர்களிடமே அல்லது இதன் சொந்தபரார் SYED AUCTIONEER, No. 10A, Jalan Tun Teja 1, Taman Tun Teja, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan. Tel : 03-6092 3714 Fax 03-6092 2714 HP No : 012-317 1973 (Ref: SA/1668/15/PTHS/CIMB) ஸ்பெஷலிஸ்டர் டெரட்டரி கார்டராகும்.

拍賣通告

烏養蘭莪土地局  
申請執行令列號 A/E  
PTUS. 7G/56/2014

事關1965年國家土地法典第 257 & 263 條文,  
地契列號: HSM 1273 地段列號: PT 1843  
起訴者: CIMB BANK BERHAD 答辯者: ZAKARIA BIN MOHAMMED 身份證: 6403999

茲遵照烏養蘭莪土地局之令,訂于24-5-2017早上10時30分,地點:烏養蘭莪土地局PEJABAT DAERAH/TANAH HULU SELANGOR 在下列拍賣師協助下,公開拍賣蘭莪一間中間式單層半排屋,其地址: No. 29,

Jalan Kelisa 3, Taman Desa Kelisa, 44300 Hulu Yam Bharu, Selangor Darul Ehsan

注:欲克購者幸前請進行地契調查和尋求律師意見。產業詳情如下:未發個別地契

地契列號: HSM 1273 地段列號: PT 1843  
土地面積: 828方公尺 地契性質: 99年 (9.5.2093到期)  
常年地稅: RM 48.00

負累:1994年8月19日轉讓于Bank Bumiputra Malaysia Berhad 事關抵押文件列號: 925/1994, Jil. 65, Fol. 66

保留低價: RM210,000.00

欲競者需以銀行匯票方式,早上10時之前寄交保留底價的10%款項予CIMB BANK BERHAD 余款須於成交的120天內繳清,欲知進一步詳情,請聯絡承辦者律師 TETUAN AZHAR & WONG, 地址: 16-08, 16<sup>th</sup> Floor, Menara Centara 360, Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur. 電話: 03-2602 3898 傳真: 03-2202 8149

或下列拍賣師:

PENTADBIR TANAH HULU SELANGOR  
Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor  
Jalan Bukit Kerajaan  
44000 Kuala Kubu Bharu  
Selangor Darul Ehsan  
電話 :03-60641026  
傳真 : 03-60644253

SYED FAKHRI B. SYED MUHAMAD AZZIDDIN  
(合格拍賣師)  
SYED AUCTIONEER  
No.10A, Jalan Tun Teja 1  
Taman Tun Teja, 48000 Rawang,  
Selangor Darul Ehsan.  
電話 : 03-6092 3714 傳真 : 03-6092 2714  
Ruj : SA/1668/15/PTHS/CIMB

## SYARAT-SYARAT JUALAN

1. (i) Lelongan Awam ke atas hartanah ini adalah terbuka kepada semua Warganegara Malaysia termasuk orang perseorangan, badan berkanun dan syarikat yang layak mengikut seksyen 43 KTN serta Pemegang Gadaian tetapi tidak termasuk Penggadai. Penawar yang membuat tawaran hendaklah mengikut Seksyen 253 (3) KTN.
  - (ii) Seseorang yang bukan Warganegara atau syarikat asing tidaklah berhak untuk membuat tawaran pada jualan keatas tanah yang tertakluk kepada kategori "Pertanian" atau "Bangunan" tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (Seksyen 433B(4)KTN).
  - (iii) Seseorang yang telah diisytiharkan muflis tidak dibenarkan bertindak sebagai ejen atau wakil. Jika didapati ejen atau wakil yang dilantik adalah seorang muflis, deposit 10% akan dilucut hak serta dirampas dan hendaklah terpakai oleh pemegang gadaian dan hartanah tersebut akan dilelong semula.
2. Semua penawar hendaklah mendaftar serta menyediakan deposit satu jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan dalam bentuk Draf Bank atas nama **CIMB BANK BERHAD** pada hari lelongan kepada **Pentadbir Tanah Hulu Selangor**. (Seksyen 263(2)(e)KTN).
  3. Ejen atau wakil bagi pihak orang perseorangan, badan berkanun atau syarikat dikehendaki mengemukakan surat perlantikan kepada **Pentadbir Tanah Hulu Selangor** semasa mendaftar.
  4. Jika pembeli itu bertindak sebagai ejen bagi seorang pembeli lain, dia hendaklah menzahirkan nama prinsipalnya dan jika gagal berbuat demikian, Memorandum Kontrak Jualan Lelongan Awam hendaklah disediakan atas namanya sendiri dengan syarat bagi Tanah Simpanan Melayu hanya orang melayu sahaja dibenarkan untuk bertindak sebagai ejen/wakil.
  5. Syarikat dikehendaki menyertakan "Memorandum & Article of Association", Borang 24, Borang 49 Resolusi Lembaga Pengarah dan Borang 11 (Bagi pemilik bumiputra).
  6. Orang perseorangan dikehendaki mengemukakan kad pengenalan "My Kad" asal dan salinan.
  7. Sebarang tawaran tidak boleh kurang daripada harga rizab yang ditetapkan oleh **Pentadbir Tanah Hulu Selangor** seperti dalam Perintah Jualan Lelongan Awam Borang 16H Seksyen 263 KTN dan tidak boleh ditarik balik (Seksyen 263(2)(d)KTN).
  8. Tertakluk kepada Para 9, penawar yang tertinggi, akan diisytiharkan sebagai pembeli dengan syarat bahawa tawarannya adalah sama atau lebih tinggi daripada harga rizab.
  9. Jika didapati mana-mana penawar hilang kelayakan kerana bercanggah dengan mana-mana syarat jualan ini maka **Pentadbir Tanah Hulu Selangor** pada bila-bila masa mempunyai kuasa untuk menolak tawaran tersebut yang telah dibuat semasa lelongan diadakan. Jika ada apa-apa pertikaian yang timbul mengenai penawar yang tertinggi, maka **Pentadbir Tanah Hulu Selangor** akan memutuskan pertikaian tersebut atau hartanah ini dilelong semula. (Seksyen 265(2)KTN).
  10. **Pentadbir Tanah Hulu Selangor** berhak menarik balik atau menangguhkan sebarang penjualan pada bila-bila masa sebelum jatuhnya penukul. (Seksyen 264(3)KTN).
  11. Sebaik sahaja penukul dijatuhkan, nama dan alamat pembeli hendaklah diumumkan oleh orang yang menjalankan jualan itu dengan suara yang dapat didengari. (Seksyen 265(1)(a)KTN).
  12. Selepas penukul dijatuhkan, wang deposit sebanyak 10% daripada jumlah harga rizab seperti para 2 diatas akan dimasukkan ke dalam akaun penggadai dan seterusnya pembeli menandatangani Memorandum Kontrak Jualan Lelongan Awam di bawah syarat-syarat jualan ini. Jika pembeli gagal berbuat demikian, hartanah itu hendaklah dilelong semula dan wang depositnya akan dilucuthak dan dirampas dan akan menjadi sebahagian daripada pembayaran daripada hutang sebenar yang tertunggak kepada pemegang gadaian setelah ditolak segala kos perbelanjaan lelongan dan hartanah tersebut akan dilelong semula.
  13. Baki harga belian hendaklah diselesaikan oleh pembeli dalam masa tidak lebih daripada "**SATU RATUS DUA PULUH (120) hari**" daripada tarikh jualan kepada Pemegang Gadaian dan hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan (Seksyen 263(g)KTN).
  14. Di mana seorang pembeli gagal untuk menyelesaikan baki harga belian dalam masa yang telah ditetapkan dibawah Perintah Untuk Jualan di bawah Seksyen 263 KTN, deposit tersebut akan dilucuthak dan hendaklah terpakai mengikut Seksyen 267A KTN oleh pemegang gadaian seperti berikut :-
    - i. Pertamanya bagi pembayaran seluruh wang yang telah genap masa yang dinyatakan dibawah seksyen 268(1) (a) (b) dan;
    - ii. Keduanya bagi pembayaran baki, jika ada, yang dipegang milik di bawah akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang telah genap masa kepada pemegang gadaian mengikut susunan keutamaannya. Seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 268 subseksyen (1) perenggan (c) (d) (e).
  15. Pemegang gadaian hendaklah memberitahu **Pentadbir Tanah Hulu Selangor** dan **Pengadai** bagi semua pembayaran yang telah genap masa pada atau selepas tarikh jualan lelongan melalui Borang 16Q (Seksyen 266A(2)KTN).

16. Pemegang gadaian hendaklah apabila menerima jumlah keseluruhan wang belian daripada jualan ini dengan segera mengakui secara bertulis kepada Pentadbir Tanah Hulu Selangor bahawa jumlah keseluruhan telah pun diterima. (Seksyen 268A(1)KTN).
17. Pemegang Gadaian hendaklah menyerahkan suatu pernyataan akaun untuk pembayaran yang diterima dan telah dibayar kepada Pentadbir Tanah Hulu Selangor tidak lewat daripada Tiga Puluh (30) hari setelah penerimaan keseluruhan wang belian. Seksyen 268A(3)KTN).
18. Hartanah ini adalah dipercayai dan hendaklah dianggap sebagai diperihalkan dengan betul dan dijual tertakluk kepada semua ismen, kaveat, tenansi, tanggungan dan hak (jika ada) yang wujud di atas atau terhadapnya tanpa apa-apa tanggungan yang timbul untuk mengtakrifnya dan tiada kesilapan, pernyataan khilaf atau perihal khilaf boleh membatalkan jualan ini dan tiada bayaran ganti rugi dibenarkan mengenainya.
19. Wang belian yang diperolehi dalam apa-apa jualan hendaklah digunakan seperti berikut : (Seksyen 268 KTN).
  - i. Untuk membayar cukai tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri atau pemberi pajakan dan setakat mana, tiada orang lain selain dari penggadai adalah bertanggungjawab terhadapnya, apa-apa perbelanjaan lain yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan, segala perbelanjaan seperti yang disahkan oleh Pentadbir Tanah yang dibuat berhubung dengan pembuatan dan pelaksanaan perintah jualan; iaitu segala tunggakan bayaran Cukai Tanah, Cukai Taksiran, Indah Water Konsortium Sdn. Bhd, caj-caj air dan elektrik. Perkhidmatan Penyelenggaraan Perbadanan Pengurusan Bangunan (Hakmilik Strata) dan semua bil-bil tuntutan Perkhidmatan Pelelong sehingga tarikh lelongan.
  - ii. Untuk membayar kepada pemegang gadaian jumlah penuh yang terhutang di bawah gadaian pada masa jualan itu dijalankan, untuk menjamin pembayaran satu anuiti atau jumlah berkala yang lain dan membayar gadaian-gadaian yang lain, jika ada.
  - iii. Baki, jika ada, dari wang belian hendaklah dibayar kepada penggadai.
20. Pentadbir Tanah Hulu Selangor tidak bertanggungjawab mengenai apa-apa kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran atau lain-lain bencana.
21. Pembeli hendaklah mengaku identiti hartanah yang dibeli olehnya seperti yang terkandung dalam dokumen munimen yang diberi oleh Pemegang Gadaian sebagai suratan Hakmilik hartanah tersebut atas bukti yang diberi dengan membandingkan antara deskripsi butir-butir dan dokumen munimen masing-masing.
22. Pemegang Gadaian tidak akan bertanggungjawab untuk menyerahkan milikan kosong harta berkenaan kepada pembeli.
23. Jika Pemegang Gadaian bercadang untuk memohon pembatalan atau penangguhan Perintah Jualan (Borang 16H) melalui lelongan awam maka satu permohonan melalui Borang 16O KTN hendaklah dikemukakan kepada Pentadbir Tanah Hulu Selangor selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum tarikh lelongan awam beserta dengan bayaran sebanyak RM3000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ribu Sahaja). Borang 16O KTN yang diserahkan kurang dari Tujuh (7) hari sebelum tarikh lelongan hendaklah DITOLAK. (Seksyen 264A KTN).
24. Dimana satu perakuan jumlah (Sijil Jualan Borang 16I) telah diberi kepada seseorang pembeli berkenaan dengan mana-mana tanah yang digadai atau dipajak, mana-mana kehendak untuk memperolehi kebenaran Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan sekatan kepentingan ke atas tanah atau pajakan tersebut hendaklah tidak digunapakai. (Seksyen 301 KTN).
25. Jika berlaku apa-apa percanggahan dalam syarat-syarat ini dengan peruntukan dalam Bahagian Enam Belas Bab 3 Remedi Pemegang Gadaian: Jualan, Peruntukan-peruntukan dalam Kanun Tanah Negara 1965 hendaklah mengatasi syarat-syarat ini.

## KONTRAK

Alamat Harta : HSM 1273, PT 1843, Mukim Ulu Yam, Daerah Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan  
Alamat Hartanah : No. 29, Jalan Kelisa 3, Taman Desa Kelisa, 44300 Hulu Yam Bharu, Selangor Darul Ehsan  
Bertempat : Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor  
Harga Rizab : RM210,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Sepuluh Ribu Sahaja)

MEMORANDUM:- Pada jualan dengan lelongan awam pada 24hb Mei 2017 mengenai tanah yang terkandung dalam butir-butir yang tersebut diatas (*nama & alamat pembeli*) \_\_\_\_\_

No. K/P/Syarikat: \_\_\_\_\_ adalah penawar tertinggi yang diisytiharkan sebagai pembeli tanah tersebut bagi jumlah wang sebanyak RM \_\_\_\_\_ telah membayar kepada **PEMEGANG GADAIAN** untuk jumlah wang sebanyak RM \_\_\_\_\_ sebagai deposit dan bersetuju membayar baki harga pembelian dalam tempoh **seratus dua puluh (120) hari** dan menyempurnakan pembelian mengikut syarat-syarat jualan dan Peguam bagi pihak Pemegang Gadaian mengaku menerima wang deposit tersebut.

Harga Pembelian : RM \_\_\_\_\_  
Deposit : RM \_\_\_\_\_  
Baki : RM \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Pembeli/Ejen  
No. K/P:  
Alamat:  
No. Telefon:

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Pentadbir Tanah  
Daerah Hulu Selangor  
Selangor Darul Ehsan

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Pelelong

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Peguam  
Tetuan Azhar & Wong

No. Bank Draf :  
Cawangan :  
Wang Tunai :